



LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA

BANTUAN KEWANGAN PENANAMAN NANAS PROJEK RANCANGAN TANAM BARU / TANAM SEMULA NANAS (RTB / RTS)

Syarat-syarat permohonan:-

1. Warganegara Malaysia.
2. Hak milik tanah yang sah:
 - i. Ada status pemilik/tol/ada surat kebenaran pihak Pentadbir Tanah.
 - ii. Tanah jenis gambut/mineral dan tanah tersebut sesuai untuk pertumbuhan pokok nanas.
3. Melengkapkan borang permohonan.
4. Menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti berikut:
 - i. Salinan Kad Pengenalan Pemohon
 - ii. Salinan geran/surat tol/surat kebenaran daripada Pentadbir Tanah
 - iii. Surat Akuan Sumpah Berkanun
 - iv. Surat Pelepasan Tanggungan
 - v. Surat Wakil Kuasa (jika tanah dipajak/disewa)
 - vi. Surat Wakil Kuasa Mati (pemilik asal telah meninggal dunia)
 - vii. Surat Wakil Kuasa Kongsi (tanah dimiliki oleh dua orang atau lebih)
 - viii. Borang IV (borang pendaftaran peraturan 10 (1) sebagai pekebun nanas berdaftar)

***** Kegagalan melengkapkan borang permohonan dan mengemukakan dokumen serta salinan dokumen (telah disahkan) yang diperlukan akan menyebabkan permohonan pihak tuan tidak diproses dan ditolak.**

Kriteria kelulusan bantuan:-

1. Kelulusan 15 ekar/6.08 hektar atau kurang.
2. Keluasan melebihi 15 ekar/6.08 hektar tetapi kurang daripada 100 ekar/40.5 hektar boleh diluluskan 2/3 dari kelulusan kebun berdasarkan kepada luas minima iaitu 15 ekar/6.08 hektar.
3. Tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Kecil kelulusan permohonan RTB/RTS.

Nilai bantuan:-

1. Bantuan Projek Tanaman Nanas yang disediakan oleh Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia yang diberikan kepada Pengusaha/Pemohon adalah seperti berikut:
 - i. Rancangan Tanam Baru (RTB) : RM 3,150.00 seekar/RM 7,784.00 sehektar.
 - ii. Rancangan Tanam Semula (RTS): RM 900.00 seekar/RM 2,224.00 sehektar.

Butiran	Nilai (RM)	
	RTB	RTS
Bahan Tanaman (Benih)	2,250.00	-
Bahan Input:		
i) Racun Rumpai (Paraquat)		
ii) Racun Rumpai (Pracambah)	800.00	800.00
iii) Baja Tabur		
iv) Baja Semburan		
v) Hormon Penggalak Bunga		
Insentif Bersih Kebun	100.00	100.00
JUMLAH	3,150.00	900.00

2. Bantuan tersebut akan diberikan dalam tempoh 2 tahun daripada tarikh kelulusan.
3. Bahan input dibekalkan ialah benih/sulur, racun rumpai, baja, dan hormon pembungaan.